

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG (AYER HITAM)**

**SOALAN : NO. 476**

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [Ayer Hitam] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) status pelaksanaan 2 buah masjid di kawasan Parlimen Ayer Hitam iaitu Masjid Kampung Parit Awang, Yong Peng dan Masjid Kampung Parit Haji Ali; dan
- (b) berapa jumlah peruntukan bagi 2 projek tersebut dan bilakah ia dapat disiapkan.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Status pelaksanaan bagi Projek Masjid Kampung Parit Awang, Yong Peng dan Masjid Kampung Parit Haji Ali, Mukim 8, Parit Raja adalah di peringkat penyediaan tender dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya, Johor (JKR Johor). Projek-projek ini dijangka akan siap pada tahun 2021.

Peruntukan yang telah diluluskan bagi Projek Masjid Kampung Parit Awang, Yong Peng adalah RM1.05 juta dan Projek Masjid Kampung Parit Haji Ali, Mukim 8, Parit Raja adalah RM1.75 juta.

Sekian, terima kasih.